SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BIL. 2/2026 PADA HARI ISNIN,7 DISEMBER 2026

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.

2. **DIGALAKKAN** Pemakaian Pelitup Muka

   2.1. Kepada individu yang bergejala respiratori
   2.2. Individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang berpenyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung.

3. **HANYA PEMBIDA BERDAFTAR SAHAJA** dibenarkan memasuki kawasan acara lelongan diadakan.

4. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.

5. Pembida/Pembeli yang berjaya digalakkan menjelaskan bayaran secara **KAD KREDIT/KAD DEBIT/QRPAY dan PINDAHAN DANA (EFT)** sepenuhnya pada hari lelongan. Tiada sebarang pembayaran secara **TUNAI** dibenarkan.

6. Barang-barang yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.

7. Urusan pengangkutan barang lelongan adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.

8. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran pada atau sebelum **jam 3.30 petang, 7 DISEMBER 2026 (Isnin).**

9. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli dan telah dijelaskan bayaran hendaklah **dituntut sebelum atau pada jam 5.00 petang, 11 DISEMBER 2026 (Jumaat).**

10. Kegagalan menuntut/mengambil barang-barang dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.

11. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** sebarang kerugian di atas kerosakan dan/atau kehilangan barang-barang sebelum/semasa/selepas lelongan dan selepas tamat tempoh tuntutan barang-barang yang telah dilelong.

12. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan barang-barang yang dilelong.

13. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko penyakit berjangkit daripada barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

15. Barang-barang yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.

16. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**